



10,000 permohonan kewarganegaraan akan diselesaikan tahun ini

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Februari 22, 2023 @ 8:05pm
zanariah_mutalib@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyerar untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya 10,000 permohonan bagi mendapatkan status kewarganegaraan pada tahun ini,

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sejak memegang jawatan menteri pada awal Disember tahun lalu, beliau sudah membuat keputusan bagi 4,294 permohonan dengan 67 peratus permohonan diluluskan, manakala bakinya ditolak.

Katanya, antara faktor menyebabkan permohonan ditolak pasangan tidak mendaftar perkahwinan bagi permohonan kewarganegaraan untuk anak, subjek yang memohon tiada bukti berada dalam negara, tiada locus standi untuk membuat permohonan dan terdapat unsur keraguan daripada segi percanggahan fakta.

"Disebabkan ramai yang menulis permohonan, saya sudah meminta pegawai saya untuk memberi taklimat kepada Ahli Parlimen mengenai tatacara permohonan dan soalan yang sering ditanya (FAQ) sebelum sidang Parlimen berakhir.

"Untuk makluman, KPI (Petunjuk Prestasi Utama) yang saya letakkan untuk tahun ini saja adalah untuk membuat keputusan pada kadar minima 10,000 permohonan.

"Bakinya tinggal lebih 6,000 (permohonan) lagi, sudah tidak banyak dan saya yakin boleh capai 10,000 sebelum hujung tahun," katanya pada sesi penggulungan perbahasan Titah Diraja bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, hari ini.

Saifuddin berkata, sejak 2013 hingga 21 Februari lalu, terdapat 132,272 permohonan untuk mendapatkan status kewarganegaraan.

Bagi menangani isu penduduk Sarawak yang tiada pengenalan diri, Saifuddin berkata, kementerian sudah menubuhkan jawatankuasa bersama dengan kerajaan negeri khusus untuk mengatasi isu itu.

"Kita tubuhkan pasukan petugas khas, yang tugas hakikinya adalah melengkapkan dokumentasi dalam bentuk sijil lahir dan seumpamanya.

"Jika semua proses itu selesai, kita akan urus di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan dan sasaran saya, baki 946 permohonan akan diselesaikan dalam tempoh kurang enam bulan daripada sekarang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerangka bagi undang-undang baharu iaitu Akta Penyalahgunaan Dadah dan Bahan (Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan) bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 sudah selesai dan sedang di peringkat Jabatan Peguam Negara.

"Ia akan meningkatkan akses bagi mendapatkan rawatan dan pemulihan, merangkumi aspek perundangan yang lebih komprehensif tapi sifat yang paling penting adalah aspek pemulihan, berbanding hukuman," katanya.